

BERITA HARIAN

DATE: 3/2/2010

# Ku Li tidak wajar guna platform Pas

## Ahli Parlimen boleh bincang isu petroleum secara langsung dengan P M: Dr Mahathir

Oleh Syuhada Choo Abdullah  
[choo@bharian.com.my](mailto:choo@bharian.com.my)

**G**OMBAK: Tun Dr Mahathir Mohamad menegaskan Tengku Razaleigh Hamzah tidak wajar menggunakan pentas pembangkang bagi menyuarakan isu royalti petroleum yang dituntut kerajaan Pas Kelantan.

Bekas Perdana Menteri berkata, Ahli Parlimen Gua Musang itu boleh mengadakan perjumpaan untuk membincangkan perkara itu secara langsung dengan Datuk Seri Najib Razak jika Perdana Menteri bersetuju.

"Saya fikir dia utamakan Kelantan lebih daripada kerajaan. Saya fikir dia sudah



*Saya fikir Ku Li utamakan Kelantan lebih daripada kerajaan"*

**Dr Mahathir Mohamad**  
Bekas Perdana Menteri

terbahagi kesetiaan, satu kepada parti, satu lagi kepada negerinya.

"Saya tidak fikir ia boleh diterima," katanya pada sidang media selepas menyampaikan ucapan bertajuk 'Asean: Cabaran Masa Kini dan Masa Depan' pada Persidangan Logik Asean 2010 di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di sini, semalam.

Beliau mengulas langkah terbaru Tengku Razaleigh tampil di pentas ceramah Pas sambil menyokong tuntutan royalti petroleum yang dibuat kerajaan Pas Kelantan.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak berjumpa dan mengadakan sebarang perbincangan dengan Tengku Ra-

zaleigh sejak isu berkenaan tercetus, tetapi mengagak bahawa bekas Menteri Kewangan itu bertindak demikian kerana mahu Kelantan memperoleh wang royalti terabit.

Bekas Perdana Menteri itu mengakui beliau juga menyuarakan pandangan yang kritikal terhadap kerajaan, tetapi menggunakan forum lain (bukan atas pentas pembangkang).

Mengenai krisis dalaman pembangkang pula, Dr Mahathir berkata, pakatan pembangkang menjadi semakin lemah kerana semua parti terbabit sebenarnya tidak mempunyai persamaan idea dan hanya bergabung semata-mata untuk memenangi pi-

lihan raya.

Beliau berkata, keadaan itu berbeza dengan Barisan Nasional (BN) yang terdiri daripada gabungan kukuh dengan semua parti komponen mempunyai persamaan objektif dan ideologi serta saling membantu.

"Saya fikir mereka (pembangkang) akan menjadi semakin lemah. Rakyat mulai mempersoalkan kemampuan mereka untuk memerintah.

"Malah, Pas dulu kata kalau kita bekerjasama dengan orang bukan Islam, kita jadi kafir. Tapi bila dia nampak kepentingan untuk menda-pat sokongan daripada orang bukan Islam, dia bukan saja bekerjasama, malah berpeluk-peluk. Jadi tiada keikh-

lasan dalam tindakan mereka, cuma hendak menang pilihan raya," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya, Dr Mahathir menekankan mengenai pentingnya Asean bekerjasama dengan negara Timur Laut seperti China dan Jepun supaya dapat membawa suara yang lebih mantap serta teguh apabila berdepan dengan kuasa besar dunia dalam menangani pelbagai isu kepentingan bersama.

Katanya, semua negara dalam rantau Asia Tenggara juga perlu lebih memantapkan perhubungan, termasuk pada peringkat rakyat akar umbi, bagi memperkukuh persefahaman dan jalinan kerjasama pada masa depan.